

Jawab semua soalan

[40 markah]



1. Ilmu ekonomi mengkaji tentang bagaimana manusia
 - A menyeimbangkan pelbagai kehendak dengan sumber ekonomi yang ada seperti modal dan buruh.
 - B mengurangkan jurang perbezaan antara golongan kaya dengan golongan miskin melalui zakat.
 - C menggunakan wang bagi meningkatkan perbelanjaan masa depan untuk membeli barang kehendak.
 - D menghasilkan keluaran dengan menggunakan faktor pengeluaran secara maksimum demi memaksimumkan keuntungan.

2. Pernyataan yang manakah **benar** tentang faktor pengeluaran?
 - A Modal merangkumi sumber tidak boleh diperbaharui yang mempunyai penawaran yang terhad.
 - B Usahawan adalah individu yang menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran.
 - C Buruh merupakan individu yang menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan output.
 - D Tanah merupakan sumber alam semula jadi yang digunakan bagi tujuan menghasilkan barang.

3. Jadual berikut menunjukkan kombinasi pengeluaran yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat.

Kaedah Pengeluaran	Mawar putih (kuntum)	Tulip ungu (pasu)
R	1000	70
S	750	88
T	500	108
U	240	244

Jika syarikat mengubah kaedah pengeluaran daripada T ke U, apakah kos lepas yang terlibat?


- A 244 pasu Tulip Ungu
 - B 136 pasu Tulip Ungu
 - C 260 kuntum Mawar Putih
 - D 240 kuntum Mawar Putih
4. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri sistem ekonomi bagi dua buah negara.

Negara S	Pengeluar menjalankan sistem catuan dalam pengagihan barang
Negara T	Pengeluar memilih barang yang mempunyai sasaran untung yang tinggi

Tentukan sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara tersebut.

	Negara S	Negara T
A	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi perancangan pusat
B	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi campuran
C	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi pasaran bebas
D	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi Islam


5. Maklumat berikut berkaitan penyelesaian satu masalah asas ekonomi oleh dua buah negara.



Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut?

	Negara X	Negara Y
A	Campuran	Kapitalis
B	Kapitalis	Campuran
C	Campuran	Perancangan pusat
D	Perancangan pusat	Campuran

6. Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan suatu barang.




Pergerakan titik a ke titik b menunjukkan

- A Penurunan harga barang itu.
- B Pertambahan cita rasa pengguna.
- C Peningkatan pendapatan masyarakat.
- D Pengurangan kadar cukai pendapatan.



7. Antara berikut, manakah menerangkan hukum penawaran?
- A Bentuk keluk penawaran mencerun ke atas dari kanan ke kiri.
 - B Keluk penawaran individu lebih landai daripada keluk penawaran pasaran.
 - C Hubungan antara harga dan kuantiti barang yang ditawarkan adalah positif.
 - D Peningkatan harga barang itu menyebabkan berlaku pertambahan penawaran.
8. Mengapakah penawaran kereta tempatan meningkat?
- I Pengurangan cukai jualan.
 - II Kenaikan harga besi keluli.
 - III Kenaikan harga minyak petrol.
 - IV Peningkatan teknologi pengeluaran.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
9. Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan keseimbangan pasaran?
- A Lebihan permintaan menyebabkan harga cenderung untuk turun.
 - B Harga tidak berubah jika kuantiti penawaran menyamai kuantiti permintaan.
 - C Lebihan penawaran berlaku apabila kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan.
 - D Harga pasaran ditentukan melalui persilangan dua keluk penawaran dalam pasaran.

10. Rajah menunjukkan keseimbangan pasaran bagi kasut sekolah.



Pernyataan yang manakah betul tentang rajah tersebut?

- A Tingkat teknologi menurun.
 - B Kerajaan menurunkan cukai jualan.
 - C Berlaku penurunan harga kasut sekolah.
 - D Jangkaan harga menurun pada masa depan.
11. Maklumat berikut merujuk kepada nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi barang S dan M.

Barang S	Barang M
1.4	0.6

Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh peniaga untuk meningkatkan hasil jualannya?


	Barang S	Barang M
A	Naikkan harga	Naikkan harga
B	Turunkan harga	Naikkan harga
C	Naikkan harga	Turunkan harga
D	Turunkan harga	Turunkan harga



12. Penawaran peti sejuk bertambah sebanyak 50% apabila harga peti sejuk meningkat sebanyak 20%. Berapakah nilai keanjalannya?

- A 0.4
- B 1.0
- C 1.5
- D 2.5

13. Rajah menunjukkan keluk keanjalan harga penawaran bagi barang X.



Antara berikut yang manakah **betul** berkaitan rajah tersebut?

- A keluk berbentuk landai
- B Jenis keanjalan tak anjal
- C Melibatkan barang perkilangan
- D Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada perubahan harga



14. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan keanjalan harga penawaran tak anjal ?

- I Keluk penawaran adalah curam
- II Pekali keanjalan kurang daripada satu
- III Penjual responsif terhadap perubahan harga
- IV Peratus perubahan kuantiti melebihi peratus perubahan harga

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kemudahan pembayaran bank perdagangan.

Puan Azlina meminta pihak Bank OIC Berhad membayar ansuran pinjaman perumahan beliau pada 25 hari bulan kepada Bank Setia Berhad

Apakah kemudahan pembayaran tersebut?

- A Draf bank
- B Debit langsung
- C Pindahan kredit
- D Perintah sedia ada

16. Pekerjaan yang manakah tergolong dalam sektor ketiga?

- A Pemecah batu
- B Buruh binaan
- C Pelukis pelan
- D Pramugari

17. Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan boleh guna.

$\text{Pendapatan Boleh Guna} = \text{Jumlah pendapatan} - \text{Cukai Pendapatan} - \text{Kwsp} - X - \text{Zakat}$
--

Apakah X?

- A Sewa
 - B Upah
 - C PERKESO
 - D Bayaran pindahan
18. Antara yang berikut, yang manakah kesan caruman KWSP kepada individu?
- I Kuasa beli meningkat
 - II Dapat bonus keuntungan
 - III Mengurangkan pendapatan semasa
 - IV Jaminan kewangan pada masa depan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
19. Pernyataan yang manakah benar tentang fitur pembelian secara kredit.
- A Caj kewangan dikenakan ke atas baki yang belum dijelaskan selepas tarikh tamat tempoh
 - B Jumlah yang perlu dibayar ialah baki harga setelah ditolak bayaran pendahuluan
 - C Jumlah faedah hanya bergantung kepada tempoh bayar balik pinjaman
 - D Bayaran pendahuluan berdasarkan kepada pertimbangan penjual

20. Gambar berikut menunjukkan dua jenis pelaburan peribadi.



Gambar 1



Gambar 2

Pilih padanan yang **betul** mengenai tahap risiko kedua-dua pelaburan tersebut.

	Gambar 1	Gambar 2
A	Tinggi	Rendah
B	Rendah	Tinggi
C	Rendah	Sederhana
D	Rendah	Rendah

21. Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran Syarikat Aman Jaya.

Syarikat Aman Jaya menanggung kos tetap sebanyak RM60 dan kos berubah sebanyak RM50 bagi mengeluarkan 20 batang pen.

Berapakah kos purata firma tersebut?

- A RM2.50
- B RM3.00
- C RM5.00
- D RM5.50

22. Syarikat Azman menjual 250 pasang kasut sukan dengan harga RM25 sepasang. Jumlah kos pengeluaran kasut ialah RM4 250.

Berapakah jumlah keuntungan Syarikat Azman?

- A RM2 000
 - B RM4 275
 - C RM4 500
 - D RM6 250
23. Situasi yang manakah merujuk kepada kos sosial?
- A Syarikat XYZ membuat pembelian bahan mentah yang lebih mahal kesan daripada pandemik Covid- 19
 - B Peniaga pakaian terpakai menanggung kos import yang tinggi kesan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia
 - C Firma ADY mengutamakan buruh tempatan kesan pelaksanaan dasar upah minimum
 - D Nelayan Kuala Muda mengalami kerugian kesan daripada pencemaran air sungai
24. Gambar menunjukkan aktiviti yang dijalankan dalam ekonomi.



Berdasarkan gambar tersebut, tindakan kerajaan yang manakah dapat mengawal kesan eksternaliti negatif?

- A Menetapkan kawalan harga barang-barang keperluan
- B Memberi subsidi untuk mengurangkan kos pengeluaran
- C Memusatkan kawasan perindustrian di luar kawasan kediaman
- D mengenakan cukai ke atas produk kecantikan yang membahayakan Kesihatan



25. Pengangguran geseran berlaku disebabkan
- A firma mengecilkan skala pengeluaran
 - B kekurangan mobiliti dari segi kelayakan
 - C berlaku perubahan struktur ekonomi negara
 - D sedang mencari pekerjaan yang dikehendakinya
26. Situasi yang manakah menyebabkan pengangguran kitaran?
- A Pekerja menghadapi kekurangan kemahiran
 - B Pekerja yang hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi
 - C Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan
 - D Pekerja yang meletak jawatan kerana mengharapkan pekerjaan lain
27. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan perbelanjaan pembangunan?
- I Bertujuan untuk meningkatkan pembentukan modal tetap negara
 - II Contoh perbelanjaan yang terlibat ialah keselamatan dan pentadbiran am
 - III Merupakan perbelanjaan semasa kerajaan yang berulang ulang setiap tahun
 - IV Membolehkan pengurusan dan pentadbiran kerajaan beroperasi dengan lancar
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV
28. Apakah kesan belanjawan defisit terhadap ekonomi negara?
- A Inflasi dapat dikawal dan kos sara hidup masyarakat menurun
 - B Mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat dan menambahkan pendapatan individu
 - C Kuasa beli pengguna dan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan dalam pasaran akan menurun
 - D Memperlahankan pertumbuhan ekonomi dalam negara dan menyebabkan tingkat harga umum menurun

29. Pasangan yang manakah betul?

	Dasar kewangan	Keterangan
A	Mengembang	Bertujuan untuk mengurangkan permintaan agregat
B	Mengembang	Bertindak dengan menurunkan kadar cukai pendapatan
C	Menguncup	Berupaya untuk mengurangkan jumlah penciptaan kredit
D	Menguncup	Berlaku apabila kerajaan menambah perbelanjaan pembangunan

30. Maklumat yang manakah betul tentang pelaksanaan dasar kewangan dalam mencapai objektif makroekonomi?

	Objektif Makroekonomi	Tindakan	Kesan
A	Kestabilan harga	Menjual surat jaminan kerajaan	Tingkat harga umum naik
B	Guna tenaga penuh	Menurunkan nisbah rizab berkanun	Peluang pekerjaan menurun
C	Pertumbuhan ekonomi	Menaikkan kadar faedah pinjaman	Kos pengeluaran berkurang
D	Imbangan pembayaran	Melonggarkan syarat sewa beli	Aliran masuk wang meningkat

31. Penyataan manakah benar mengenai syarikat multinasional?

- I Semua cawangan dikawal oleh firma induk
- II Semua keuntungan menjadi hak milik firma induk
- III Pemindahan teknologi berlaku dalam negara sahaja
- IV Contoh syarikat multinasional ialah Syarikat Axiata Group Berhad

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



32. Apakah kesan negatif pelaburan langsung asing di Malaysia?

- A Negara mudah mengawal aliran keluar untung
- B Imbangan pembayaran dalam negara semakin meningkat
- C Penerokaan dan pengeluaran sumber alam yang boleh dikawal
- D Syarikat gergasi akan menguasai sektor-sektor yang menguntungkan

33. Maklumat berikut mengenai perdagangan antarabangsa.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyasarkan pengekspornan durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes ke China sebanyak 333,716 tan metrik dengan nilai eksport sebanyak RM 450 juta, tahun ini.

Apakah kepentingan eksport barang tersebut kepada rakyat negara China?

- A menikmati barang dengan harga yang lebih murah
- B meningkatkan pelaburan rakyat Malaysia di China
- C menggalakkan pemindahan dan penggunaan teknologi
- D memperoleh barang yang tidak dikeluarkan dalam negara

34. Antara berikut, pernyataan manakah yang menerangkan tentang imbangan pembayaran?

- A Rekod semua urusan niaga ekonomi antara sesebuah negara dengan negara lain dalam tempoh tertentu
- B Perbezaan antara jumlah nilai eksport barang nampak dengan jumlah nilai import barang nampak
- C Sistem yang menetapkan kadar pertukaran mata wang asing secara tetap oleh kerajaan
- D Aliran masuk dan keluar modal dalam sektor perbankan tempatan sahaja

35. Pertukaran asing merujuk kepada

- A harga barang import dalam pasaran tempatan.
- B jumlah simpanan mata wang asing dalam bank.
- C perbezaan kadar faedah antara dua buah negara.
- D mata wang negara lain yang dimiliki oleh sesebuah negara.

36. Kejatuhan Ringgit Malaysia berbanding mata wang sebuah negara lain akan menyebabkan
- A meningkatkan jumlah import.
 - B jumlah eksport Malaysia akan meningkat.
 - C menaikkan harga barangan eksport Malaysia.
 - D menjadikan imbalan dagangan Malaysia negara negatif.

Soalan 37 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Penyataan I	Penyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

37. I Bayaran secara tunai menggalakkan pembeli berbelanja secara berhemah.
 II Bayaran secara tunai menyukarkan pembeli mendapat perkhidmatan selepas jualan.
38. I Produktiviti merujuk kepada keupayaan menghasilkan output maksimum dengan menggunakan input yang minimum.
 II Peningkatan produktiviti semestinya memerlukan pertambahan bilangan pekerja.
39. I Peningkatan import dari Jepun akan meningkatkan permintaan terhadap ringgit Malaysia.
 II Kemasukan pelancong asing ke Malaysia akan meningkatkan penawaran mata wang asing dalam pasaran pertukaran asing.
40. I Nilai ringgit Malaysia meningkat apabila rakyat Malaysia bercuti dalam negara.
 II Permintaan terhadap Ringgit Malaysia bergantung kepada eksport Malaysia.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT